

Lautan Artik

TASIK Baikal terletak di Siberia, Rusia.

TROFIMOV dan N...
menaiki kenderaa...
sampai ke Tasik B...

Moscow

RUSIA

Tasik Baikal

KAZAKHSTAN

MONGOLIA

Keindahan tasik kristal

Tasik terbesar, tertua, paling...
di Siberia, Rusia mencuri pe...


NEKRASOV
serta kumpulan
penyelam
sanggup
menggadai
nyawa berenang
dalam air tasik
yang sejuk.

KEBANYAKAN negara mempunyai tasik sebagai satu daya tarikan dalam industri pelancongan. Bagaimanapun, Tasik Baikal yang terletak di Siberia, Rusia mempunyai keunikan yang tersendiri. Lokasi itu dikenali sebagai tasik permata atau kristal oleh seorang jurugambar.

Jurugambar tempatan dari Bratsk, Alexey Trofimov, 44, berjaya mengambil gambar retakan ais tasik tersebut. Trofimov mendakwa gambar-gambar itu seperti kristal dan magis.

Dalam pengembaraannya, Trofimov tinggal disalah sebuah hotel kabin di Pulau Olkhon iaitu pulau keempat terbesar di dunia dan mempunyai keluasan 730

dest



TERDAPAT lebih
1,700 hidupan marin
seperti tumbuhan
jenis rusiga dan
hornwort.

- Adakah anda seorang pelancong atau penggemar aktiviti lasak dan berminat berkongsi pengalaman? Jika ya, hantarkan artikel untuk disiarkan dalam kolum *Percutianku/X-plorasi*.
 - Sila sertakan 10 keping gambar pelbagai sudut berbeza dan panjang artikel kira-kira 900 perkataan.
 - Sertakan butir-butir peribadi seperti nama, nombor telefon, pekerjaan, umur, tempat tinggal dan negara yang pernah dilawati.
 - Hantarkan ke horizonkosmo@gmail.com.
- **PENGARANG**



PEMBENTUKAN retakan ais terjadi apabila keadaan suhu sekelilingnya

Nekrasov
an untuk
Baikal.



PERMUKAAN ais Tasik Baikal sangat tebal dan selamat untuk dilalui.

man panorama stal tertua dunia

ng dalam dan jernih dikenali sebagai Tasik Baikal
erhatian pelancong dari dalam serta luar negara.

INFO

TASIK BAIKAL

Nama lain: Galapagos Rusia
Lokasi: Siberia, Rusia
Jenis: Air tawar
Keluasan: 31,722 kilometer persegi
Kedalaman: 1,700 meter
Gelaran: Tasik tertua dan paling dalam di dunia
Tahap: Negatif 20 darjah Celsius

kilometer persegi.

Di samping itu, Tasik Baikal merupakan tasik air tawar, tertua, paling dalam dan jernih di dunia. Keluasan Tasik Baikal ialah 31,722 kilometer persegi dan mempunyai kedalaman 1,700 meter.

“Tasik ini mempunyai

keunikannya yang tersendiri dan bagi saya, ia sangat magis. Ketika melihat pembentukan retakan ais, saya terus

jatuh hati dengan panorama indah itu.

“Retakan seperti itu sukar ditemui dan ia seakan-akan tidak logik. Namun, ia merupakan pengalaman terindah bagi saya,” kata Trofimov.

Tambahnya lagi, pembentukan ais

sering berubah-ubah mengikut suhu sekeliling. Apabila keadaan panas, ais akan mampat dan bila suhu sejuk, ia akan meluas maka terhasilnya retakan ais tersebut.

Trofimov menggelar tasik tersebut sebagai ‘permata yang sempurna’. Hal ini adalah kerana pada setiap musim sejuk, ais jernih kelihatan seperti permata apabila menerima pancaran matahari.



TROFIMOV

Bongkah ais

Struktur ais tersebut terhasil apabila tasik membeku secara tidak rata di sepanjang permukaan ais, sekali gus menyebabkan sesetengah bongkah ais ditolak ke permukaan.

Disebabkan keunikan dan kecantikan

struktur itu,

Trofimov sanggup merancang perjalanan pada setiap musim sejuk dan mengambil gambar yang pelbagai.

Selain musim sejuk, Trofimov juga kerap mengambil gambar keadaan tasik tersebut pada setiap tahun mengikut musim seperti musim bunga, luruh dan panas.

Tasik Baikal bukan sahaja menarik perhatian pelancong tempatan tetapi pelancong dari luar negara sanggup terbang jauh semata-mata ingin melihat sendiri keindahan tasik itu.

Berbeza dengan Trofimov yang hanya mengambil gambar atas permukaan, sekumpulan penyelam dari Ukraine menggadai nyawa semata-mata untuk menerokai Tasik Baikal.

Andrey Nekrasov yang berasal dari Odessa, Ukraine menempuh perjalanan sejauh 4,828 kilometer ke Ulan Ude, Siberia, Rusia untuk menyaksikan sendiri keindahan Tasik Baikal. Dia kemudiannya menaiki kenderaan sejauh 12 kilometer untuk tiba di tasik itu.

Nekrasov, 42, serta kumpulan penyelam menghabiskan masa selama sejam di bawah tasik yang beku. Suhu air Tasik Baikal ketika musim sejuk mencecah negatif 20 darjah Celsius.

Nekrasov meneroka Tasik Baikal sedalam 16 meter dari permukaan di samping berjaya mengambil gambar unik dan tidak pernah dilakukan oleh sesiapa.

Walaupun suhu air di paras negatif, tasik tersebut merupakan habitat bagi lebih 1,700 hidupan marin seperti tumbuhan jenis rusiga dan hornwort.

- Agensi



eliling berubah-ubah.



TASIK Baikal mempunyai kedalaman 1,700 meter dan suhu paras bawah 20 darjah Celsius.

BONGKAH ais
Tasik Baikal
kelihatan seperti
permata apabila
disinari cahaya
matahari.

PEMANDANGAN ais ibarat
permata seakan-akan magis
bagi Trofimov.



SEKUMPULAN penyelam dari
Ukraine bersiap sedia untuk
menyelam dan bergambar.



SEORANG
penyelam berehat
di atas permukaan
ais Tasik Baikal.

